

04 OCT 1997

Anwar-Muafakat

BERMUAFAKAT ATASI KRISIS MATA WANG, KATA ANWAR

SERDANG, 4 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata krisis mata wang dan pasaran saham yang dialami sekarang akan dapat diatasi sekiranya kerajaan, pihak swasta dan rakyat Malaysia bermuafakat sebagai satu keluarga dalam menghadapinya.

Timbalan Perdana Menteri berkata seperti apa yang dinyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, masalah itu dapat ditangani dengan berbekalkan kecekalan, disiplin, kesabaran dan kebijaksanaan.

"Jadi saya harap peringatan Dr Mahathir itu mendapat dokongan semua pihak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Ulangtahun Ke-10 Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Universiti Putra Malaysia di sini.

Di akhir lawatannya ke Uruguay Khamis, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya tidak mudah panik, mempunyai ketahanan diri dan berdisiplin dalam menghadapi masalah ekonomi yang dialami Malaysia sekarang.

Ketika ditanya sama ada terdapat tanda-tanda rakyat Malaysia panik dalam menghadapi situasi itu, Anwar berkata: "Mungkin ianya tidak kelihatan sangat tetapi saya ingat gesaan Perdana Menteri itu ialah ke arah memulihkan keadaan sekarang yang pada hemat kami merupakan perkembangan sementara."

Menurutnya lagi masalah itu dapat diselesaikan jika ia ditangani secara terbuka, langkah-langkah tidak diambil secara tergopoh-gapah dan dengan diiringi kesabaran sektor swasta serta masyarakat.

Kepada satu soalan bahawa kenyataan Dr Mahathir dan beliau seolah menimbulkan kekeliruan sejak kebelakangan ini, Anwar berkata: "Tidak sepatutnya timbul kekeliruan...sebagai contoh semalam Perdana Menteri bercakap mengenai perlunya untuk mempunyai disiplin dan kesabaran dan bersedia mengambil langkah-langkah menangani masalah sementara ini dengan bijak.

"Sekarang saya perlu menghuraikan dengan mengatakan disiplin kewangan melibatkan disiplin fiskal bagi pihak kerajaan dan sektor swasta untuk membolehkan import dikurangkan dan menggalakkan tabungan di kalangan orang awam."

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata kenyataan-kenyataannya hanyalah melengkapkan penegasan Perdana Menteri itu dan keseluruhan perkara itu tidak harus ditafsir secara negatif kerana mereka bekerja sebagai satu pasukan.

"Saya tidak fikir ini merupakan perkara untuk menjelaskan (kenyataan-kenyataan Dr Mahathir)...ini untuk melengkapkan penegasan Perdana Menteri dan sebagai satu usaha untuk memperkenalkan langkah-langkah khusus dan itulah sebenarnya peranan seorang Menteri Kewangan," katanya.

Anwar berkata belanjawan yang akan dibentangkan bulan ini, merupakan satu contoh bagaimana isu-isu tertentu ditangani, terjemahan daripada garis panduan luas kenyataan-kenyataan dasar yang dinyatakan oleh para pemimpin negara.

Ditanya sama ada agensi-agensi kerajaan mematuhi arahan baru-baru ini untuk mengurangkan perbelanjaan tidak perlu, beliau berkata banyak daripada mereka telah mengambil inisiatif sendiri untuk mengurangkan perbelanjaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Anwar berkata "tempias" daripada kemelut ekonomi Thailand terhadap Malaysia agak mengejutkan tetapi rakyat telah lama diingatkan mengenai kemungkinan berlakunya keadaan "gersang" ekonomi.

Beliau berkata itulah sebabnya kerajaan mengambil langkah melaksanakan program pra-pembayaran terutamanya untuk hutang-hutang lama negara.

"Nasib baik dan alhamdulillah kita lakukan itu. Cuba bayangkan jika sejak lima tahun kita tidak buat pra-pembayaran kerana tiada belanjawan lebihan... tahun ini parah kita," katanya.

"Sebab itu bila Perdana Menteri kata jangan panik, ini memang tepat sebab kita ada keupayaan untuk mengurus dan menyelesaikan masalah ini dengan tenang dan baik," katanya.

Anwar berkata faktor-faktor yang menunjukkan ke arah itu ialah Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan kesedaran rakyat bahawa mereka kini perlu cermat berbelanja.

Beliau sekali lagi mengingatkan agensi kerajaan supaya mengambil pendekatan baru dalam melaksanakan program mereka ke arah mengurangkan perbelanjaan.

Katanya walaupun kerajaan mengambil langkah sedemikian, program pembasmian kemiskinan dan projek mendesak seperti di bidang pendidikan dan kesihatan akan diteruskan.

Menurutnya agensi yang bertanggungjawab dalam mengurangkan bilangan rakyat miskin perlu melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan tidak menggunakan tugas mereka itu sebagai alasan untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi projek yang tiada hubungkait dengan agenda membasmi kemiskinan.

Anwar juga meminta golongan mahasiswa supaya turun ke padang bagi membantu usaha itu.

AIM ditubuhkan pada 17 Sept 1987 bertujuan mengurangkan kemiskinan di Malaysia terutamanya melalui pengeluaran Pembiayaan Ikhtiar kepada isi rumah miskin untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Ia kini memberikan pembiayaan ekonomi, pendidikan dan perumahan kepada kira-kira 48,000 golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. --

BERNAMA

MAM RON